

Hidup di iman di mana sahaja!

TAKHTA SUCI: “Seperti Maria, anda bangkit, anda meninggalkan apa yang anda sayangi – keluarga, keselesaan, kesenangan – dan bergegas untuk bertemu orang lain,” kata Sri Paus Fransiskus yang menyapa sekumpulan kaum muda dari Córdoba, Argentina, yang dalam perjalanan mereka menuju ke Portugal untuk Hari Orang Muda Sedunia (WYD) yang akan diadakan beberapa hari lagi iaitu Ogos 1-6, 2023.

Angkat ‘cawan persaudaraan’

Sri Paus Fransiskus membandingkan acara besar kaum muda itu dengan “Piala Dunia” yang sangat istimewa, sebuah pertandingan persahabatan “di mana tidak ada pemenang atau pecundang, tetapi kita semua menang.”

Prelatus itu menekankan bagaimana “ketika kita melangkah keluar dari diri kita sendiri dan bertemu orang lain,” apabila kita memberikan apa yang kita miliki dan terbuka untuk menerima apa yang ditawarkan orang lain, “kita semua adalah pemenang dan kita dapat bersama-sama mengangkat ‘cawan persaudaraan’.”


Jadilah sebuah tim

Sri Paus Fransiskus menyeru kaum muda untuk melihat teladan ramai orang Kristian yang mengikuti Yesus sampai akhir.

“Ini mengajar kita bahawa dengan menjadi tim Kristus, permainan berlangsung hingga minit terakhir. Kita tidak mudah terganggu. Kita harus waspada dan bermain sebagai tim.”

Kita adalah satu

Bapa Suci menggalakkan rombongan kaum muda itu untuk “secara intensif”



Sri Paus Fransiskus mendorong kaum muda yang menghadiri WYD agar menghayati kepelbagaian besar budaya.

menghayati Hari Orang Muda Sedunia: yang adalah sebuah kesempatan untuk memperkaya pengalaman iman melalui “kemajmukan dan kepelbagaian besar budaya, pengalaman, pelbagai ekspresi dan manifestasi iman kita.”

“Di atas segalanya,” tambah Sri Paus Fransiskus, “Anda pada akhirnya akan dapat mengalami kerinduan akan Yesus: bahawa kita adalah ‘satu’ agar dunia dapat melihat dan percaya.”

Kesatuan ini penting untuk memberikan kesaksian “sukacita Injil kepada begitu ramai kaum muda lain yang masih belum mengenal Kristus, yang bertanya-tanya akan erti hidup mereka atau mereka yang telah tersasar dari jalan Tuhan.”

Hari Orang Muda Sedunia dan Piala Dunia

Salah seorang anggota delegasi Argentina tersebut, Alozo, mengungkapkan pengalamannya selepas pertemuan dengan Sri Paus Fransiskus.

“Kami semua sangat gugup, tetapi keramahan dan kelembutan Bapa Suci Fransiskus membuat kami merasa seperti berada di rumah sendiri,” kenang Alozo.

“Meskipun pertemuan itu hanya sekejap tetapi Bapa Suci tetap meluangkan masa dari kesibukannya untuk berbicara dengan kami.”

Berasal dari negara yang sama dengan Sri Paus, Alozo menyoroti perbandingan yang dibuat oleh Sri Paus Fransiskus antara Hari Orang Muda Sedunia dan Piala Dunia.

“Sebagai orang Argentina,” yang di mana pasukan nasionalnya merupakan juara edisi terakhir Piala Dunia di Qatar Disember lalu, “kemenangan itu masih segar dalam fikiran kami. Bola sepak bukan sekadar olahraga di Argentina, ia adalah semangat pasukan yang kuat, lambang kegigihan dan sumber kesatuan. Saya sangat suka akan perbandingan itu.”

Menghidupi iman di mana-mana

Alozo menekankan rakan-rakan yang tidak dapat menghadiri WYD secara fizikal masih tetap dapat menyertai secara rohani kerana “ada banyak cara untuk menghayati iman walau di mana pun kita berada, dan meskipun dalam tindakan yang kecil.” — *media Vatikan*

Hari Belia Sedunia tanda harapan kedamaian dunia

LISBON: Hari Belia Sedunia (WYD) ke-37 yang akan berlangsung di Lisbon, pada Ogos 1-6 akan menyaksikan kehadiran lebih 400,000 orang muda yang telah mendaftar untuk acara tersebut.

Memandangkan kepentingan acara ini, yang unik, kami merasakan rasa tanggungjawab yang besar tetapi juga sukacita yang besar,” kata Duta Besar Takhta Suci ke Portugal, Fezas Vital.

Harapan Duta Besar itu adalah agar

WYD 2023 “dilihat sebagai tanda harapan dalam dunia yang lebih baik, lebih adil dan lebih mampan.”

Antara detik penting WYD yang bertema, “Maria bangkit dan bergegas pergi” ialah penyertaan Sri Paus Fransiskus dalam WYD dan doa keamanan oleh Sri Paus yang akan diadakan di Shrine Maria di Fatima.

WYD-36 juga menekankan tema keamanan pada masa perang dan konflik khususnya di

Ukraine, wilayah-wilayah Afrika dan Myanmar pada masa ini.

Duta besar itu menekankan bagaimana “Portugal percaya bahawa jaminan keamanan terbaik untuk dunia adalah menghormati peraturan dan komitmen PBB antara satu sama lain yang disokong oleh semua negara.”

“Jika kita semua menghormati peraturan itu, kita akan mempunyai keamanan!” kata Duta Besar Fezas. — *media Vatikan*



Roti dan wain: Lambang gembira dan penderitaan

Apabila Yesus menubuhkan Ekaristi semasa Perjamuan Malam Terakhir, Dia mengangkat roti dan wain sebagai dua elemen untuk menyatakan kehadiran-Nya di tengah-tengah kita pada masa sekarang.

Sejak 2000 tahun yang lalu, orang Kristian yang merayakan Ekaristi dengan menggunakan dua elemen ini iaitu roti dan wain, untuk memohon Kristus memberkati dunia ini dan membawa kehadiran istimewa Tuhan ke dunia kita.

Mengapa dua elemen tersebut? Mengapa menggunakan roti dan wain? Apakah maksud roti dan wain dalam realiti?

Saya selalu terinspirasi dari tulisan-tulisan Pierre Teilhard de Chardin yang sangat bermakna dan bijaksana.

Mengulas mengapa roti dan wain ditawarkan setiap kali merayakan Ekaristi, beliau menyatakan, *“Dalam erti kata bahan sebenar yang perlu dikonsekrasi setiap hari adalah apa yang berlaku di dunia pada hari itu – roti melambangkan dengan tepat hasil-hasil ciptaan alam, wain (darah) pula melambangkan penderitaan dan kesusahannya akibat alam semulajadi.”*

Penting untuk kita beri perhatian semasa merayakan Ekaristi agar kita lebih fokus dan menghayati.

Ketika Yesus berkata, *daging-Ku adalah makanan untuk kehidupan dunia*, Dia tidak bermaksud tentang makanan sahaja sebaliknya,

Dia menjelaskan bahawa doa kita, terutamanya Ekaristi, harus tidak merangkul sebahagian dunia sahaja tetapi seluruh dunia dan segala-galanya dan semua makhluk di dunia ini.

Ini seperti menuntut kita terlalu banyak, kerana seperti yang kita ketahui, dunia kita adalah sebuah tempat yang berpatologi rumit, berbilang kaum dan agama, bi-polar, mempunyai banyak perbezaan; tempat yang penuh dengan baik dan buruk, muda dan tua, sihat dan sakit, kaya dan miskin, berkuasa dan tidak berdaya, kemenangan dan kekalahan, hidup dan mati.

Menjadikan tubuh Kristus sebagai makanan kehidupan untuk dunia bermakna kita harus melakukan banyak perkara agar berkat Tuhan ini melimpah untuk semua orang. Ini bukan tugas mudah dan selalunya kita keberatan untuk melakukannya.

Seperti yang dimulakan oleh Yesus, Ekaristi perlu menjadi doa yang merangkumi seluruh dunia dan semua orang di dalam bumi ini.

Ia perlu menjadi doa untuk orang miskin, orang tua, yang sakit, menderita, yang tidak berkuasa, dan untuk semua orang (termasuk ibunda bumi) yang menjadi mangsa penyelewengan manusia – dan juga menjadi doa untuk orang kaya, yang muda, sihat, dan yang berkuasa.

Semasa Ekaristi, kita perlu berdoa untuk mereka yang berada di



hospital, bagi mereka yang masih sihat.

Kita perlu berdoa untuk wanita atau lelaki yang sedang nazak, juga kita berdoa untuk atlet muda yang sedang bersiap untuk bersaing dalam sukan Olimpik.

Dan kita perlu berdoa untuk pelarian di sempadan kita dan juga bagi mereka yang membuat undang-undang mengenai sempadan kita.

Seperti kata Teilhard de Chardin, kita mesti mendoakan ini semasa Ekaristi, *semua kebaikan yang terhasil dari kehidupan harian dan berdoa bagi kehilangan dan penderitaan yang disebabkan oleh perkembangan hidup dan bencana alam.*

Sebagai paderi Roman Katolik, saya mempunyai keistimewaan untuk memimpin Ekaristi dan setiap

kali saya merayakannya, saya cuba sentiasa sedar tentang dua realiti berasingan yang dilambangkan oleh roti dan wain.

Apabila saya mengangkat roti, saya cuba menyedari hakikat bahawa saya harus berpegang dan bersyukur pada rahmat Tuhan akan semua yang baik, sihat, berkembang dan merayakan berkat kehidupan ini.

Apabila saya mengangkat wain, saya harus menyedari dan mendoakan agar berkat Tuhan dicurahkan kepada semua yang sedang mengalami kehancuran, untuk semua yang menderita dan mati pada hari ini di mana hidup ini harus diteruskan.

Dunia kita adalah tempat yang besar dan pada setiap saat di suatu tempat di planet ini, kehidupan baharu dilahirkan, kehidupan muda berakar, sesetengah orang meraikan kehidupan, ada yang mencari cinta, ada yang meraikan cinta, dan ada yang meraikan kejayaan dan kemenangan.

Dan, sementara semua perkara menggembirakan ini berlaku, di tempat lain, ada yang mengalami kemerosotan kesihatan, ada yang meninggal dunia, ada yang diperkosa dan dilanggar, dan yang lain menderita akibat kelaparan, kekalahan, putus asa, dan semangat yang patah. Semasa Ekaristi, roti mendoakan segala kebaikan manakala wain, mendoakan segala yang malang.

Beberapa hari yang lalu, saya

memimpin Ekaristi untuk pengebumian seorang lelaki yang telah meninggal dunia pada usia sembilan puluh tahun.

Kami meraikan iman lelaki itu, berkabung dengan keluarganya, mengingati sumbangan-sumbangan lelaki itu semasa hidup, cuba meneladani kebajikannya, mengucapkan selamat tinggal dengan ritual doa dan menguburkannya ke dalam bumi.

Wain yang kita konsekresi semasa Ekaristi pada hari itu, melambangkan semua ini, kematiannya, kehilangan kita, dan kematian dan kehilangan orang di mana-mana — Tuhan bersama kita dalam penderitaan kita.

Tidak lama selepas pengebumian itu, saya berada di sebuah rumah yang dipenuhi dengan kerancakan dan tenaga tiga kanak-kanak kecil – berusia lima, dua dan lapan bulan.

Tidak banyak perkara dalam dunia ini yang menyegarkan dan memberi semangat berbanding kanak-kanak kecil ini. Mana-mana ubat anti-depresi tidak dapat melegakan kita atau menolong kita mempunyai hati dan semangat seperti kepolosan jiwa kanak-kanak.

Apabila saya memegang roti semasa Ekaristi, saya lebih sedar tentang apa yang dilambangkan roti itu – tenaga, kesihatan, kecantikan, kehidupan muda, kesungguhan – kegembiraan dan keserian Tuhan di planet ini. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023@Fr Ron Rolheiser*

Jadilah berharga di mata Tuhan

Novel, sejarah, cerpen atau tulisan apa saja yang ada kaitan dengan kisah cinta memang mengasyikkan untuk dibaca. Salah satu kisah cinta yang menarik tersebut adalah tentang raja Edward kelapan, pengganti takhta England yang layak. Sama ada dia boleh menjadi raja atau tidak, bergantung kepada keputusannya yang menentukan.

Dia jatuh cinta dengan seorang janda warga Amerika, Wally Simpson. Sekiranya dia mengahwini janda tersebut maka dia terpaksa melepaskan takhta tersebut. Kemungkinan pada mulanya raja Edward merasa tertekan terhadap perkara tersebut buat seketika.

Namun oleh kerana kasihnya yang begitu mendalam terhadap wanita tersebut, maka takhta tersebut dilepaskannya begitu sahaja.

Dia menganggap wanita itu lebih berharga bagi hidupnya dibandingkan dengan takhta yang menjanjikan kuasa dan kemasyhuran itu. Keputusannya yang muktamad itu akhirnya menjadi sejarah. Dia rela melepaskan takhta lalu mengahwini Wally Simpson, si jantung hatinya itu.

Kisah cinta raja Edward dari England ini, sekurang-kurangnya

membantu kita untuk memahami apa yang dimaksudkan oleh Yesus ketika Dia menceritakan tiga perumpamaan tentang kerajaan Tuhan di dalam Injil hari ini.

Kerajaan Tuhan digambarkan sebagai harta yang terpendam di ladang dan mutiara yang sangat mahal nilainya. Peladang yang membajak ladang tersebut telah menemukan harta terpendam. Pedagang yang mencari mutiara akhirnya telah menemukannya.

Reaksi kedua orang tersebut sama sahaja, iaitu penuh kegembiraan. Bagi mereka harta karun dan mutiara itu adalah sangat berharga sehingga masing-masing mereka memutuskan untuk menjual segala apa yang mereka miliki hanya untuk membeli ladang dan mutiara tersebut.

Perumpamaan yang ketiga pula adalah mengenai pukat yang dilabuhkan di laut, lalu digumpulkan pelbagai jenis ikan yang baik dan tidak baik. Melalui perumpamaan ketiga itu, Yesus sebenarnya mahu menjelaskan gambaran tentang akhir zaman di mana sang Anak Manusia memberi ganjaran kepada orang-orang yang baik dan menghukum orang-orang yang jahat.

Perumpamaan tentang harta

terpendam dan mutiara yang berharga itu pula menegaskan tentang ciri-ciri yang baik yang harus ada pada setiap pengikut Yesus.

Pada masa yang sama perumpamaan tersebut juga menuding jari kepada pengikut-Nya yang hanya “hangat-hangat tahi ayam.”

Seorang pengikut yang sejati adalah yang menerima Sabda Yesus lalu memberi respon kepada-Nya dengan penuh semangat melebihi daripada pengikut-pengikut-Nya yang biasa.

Orang-orang yang bersemangat ini sungguh menghayati bahawa kerajaan yang disampaikan oleh Yesus itu adalah merupakan harta dan mutiara yang tidak ternilai harganya yang sungguh memperkayakan kehidupannya serta memberi nilai yang sungguh bermakna dan memberi kebahagiaan yang sejati.

Namun untuk menjadi semakin dekat dengan Tuhan ini pun bukan mudah, perlu menjalani suatu proses yang cukup lama juga. Cerita berikut ini mungkin boleh kita jadikan renungan.

Seorang peladang yang sudah bertahun-tahun membajak tanah yang kering dan berbatu-batu un-

HARI MINGGU BIASA KE-17 TAHUN A

**1 RAJA-RAJA 3:5 , 7-12 ;
ROM 8: 28-30;
INJIL MATIUS 13: 44-52**

tuk dapat tetap bertahan hidup, akhirnya menyerah kalah. Dia mendengar khabar bahawa orang-orang mulai menemukan berlian di segala penjuru negeri itu, lalu ia menjual ladangnya itu dan mulai mencari berlian.

Setelah sia-sia mencari bertahun-tahun, ia meninggal dunia tanpa wang satu sen pun dalam keputusasaan.

Suatu hari, orang yang dahulu membeli tanah ladangnya melihat ada batu karang yang aneh di sudut ladang itu.

Dengan rasa ingin tahu ia membawanya ke dapur dan mencuci serta mengelap batu itu. Rupanya batu itu adalah batu berlian.

Ladang yang nampaknya tidak berguna itu dahulu, sekarang adalah lombong berlian Kimberly di Afrika Selatan.

Jika pemilik pertama itu tidak

cepat putus asa pastilah harta tersebut menjadi miliknya. Memang betul kata orang tua-tua, orang yang tidak tabah dan tidak sabar itu selalu rugi. Jadi, apa pun yang kita lakukan, amalkan sikap yang sabar. Ibu Teresa pernah mengatakan “Kesetiaan lebih penting daripada kejayaan.”

Dalam mencari kerajaan Tuhan ini saya telah bertemu ramai orang yang dahulunya hanyalah umat Katolik yang biasa-biasa saja, pergi Misa, menyambut sekali sekala dan itu sahaja.

Tetapi setelah mengikuti pelbagai kursus, retret, seminar-seminar kerohanian misalnya seminar hidup baru dalam roh, iman dan minda mereka terhadap kerajaan Tuhan berubah banyak yang membuat kesaksian bahawa mereka betul-betul menyesal kerana mensia-siakan hidup mereka pada masa lalu. — *santapan rohani*

Formasi Liturgi untuk penghayatan iman

KLUANG, Johor: Lapan puluh peserta telah menghadiri Formasi Liturgi Untuk Umat Awam yang dianjurkan di paroki St Louis, Kluang pada Julai 8 lalu.

Para peserta tersebut berasal dari pelbagai paroki di Keuskupan Melaka-Johor iaitu St Henry, Batu Pahat, St Louis, Kluang, St Joseph, Plentong, St Theresa, Masai, St Andrew, Muar dan Christ the King, Kulai.

Program selama sehari ini adalah anjuran Pelayanan Liturgi Keuskupan Melaka Johor dan sesi-sesi disampaikan oleh Fr Adrian Francis, Sr Magdalena Kopong, FSIC, serta para fasilitator yang terdiri daripada umat awam sendiri.

Kandungan formasi ini dipetik dari Panduan Umum Misale Romawi (PUMR), iaitu Katekesis Liturgi untuk Umat Awam oleh Komisi Liturgi Wilayah, Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei yang diterbitkan pada 2005.

Formasi ini mengandungi sepuluh sesi taklimat yang bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan penghayatan apa yang Gereja Katolik ajarkan tentang Liturgi.



Lapan puluh peserta dari pelbagai paroki menghadiri Formasi Liturgi di Gereja St Louis, Kluang.

Bahagian pertama formasi adalah berkenaan prinsip-prinsip Liturgi dan terdiri daripada lima taklimat tentang Visi Teologi Perubahan Misale Romawi, tata tertib dan simbol-simbol dalam Misa Kudus, postur tubuh dalam Misa Kudus, pelayanan dan peranan perhimpunan Liturgi semasa Misa Kudus.

Bahagian kedua adalah berkenaan pe-

layanan-pelayanan Liturgi. Ini termasuklah Liturgi Pembacaan dalam Misa Kudus, pelayanan khas Komuni Tak Lazim, muzik dalam Liturgi, Garis Panduan bagi Pelayan Altar dan Warden Gereja semasa Misa.

Seterusnya para peserta diberi peluang untuk bertanya kepada Fr Adrian tentang Liturgi, dalam sesi Soal Jawab.

Soalan bertalu-talu yang diajukan oleh para

peserta menunjukkan mereka semakin memahami makna simbolik sakramental dan sikap Liturgi.

Menghayati fungsi dan peranan petugas Liturgi yang baik memerlukan pembinaan berkala serta berlanjutan. Dengan demikian, petugas Liturgi dipanggil untuk belajar bagaimana sikap Liturgi yang tepat dalam pelayanan.

Budaya mendorong persekutuan dalam Gereja

KLANG: Kerasulan Umat Bahasa Malaysia (KUMB) di Gereja Our Lady of Lourdes (OLL) dengan bangga menganjurkan Pesta KAGAPE (Kaamatan, Gawai dan Panen) pada Julai 9 lalu dengan tema, "Penyertaan dan Persekutuan Melalui Budaya dalam Misi Kudus Gereja".

Pesta KAGAPE dimulakan dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Fr Lawrence Andrew, SJ, dan dibantu oleh paderi paroki OLL, Fr Gregory Chan.

Dalam ucapannya, Fr Gregory mengibaratkan para umatnya sebagai hasil

tuaian yang paling bermakna untuk Gereja OLL.

Selepas Misa Kudus, pesta KAGAPE diteruskan dengan perarakan masuk ke dalam dewan Gereja yang didahului oleh Fr Lawrence, Fr Greg dan para religius.

Terdapat pelbagai acara menarik di dewan termasuk acara memotong kek oleh para paderi dan penganjur, makan bersama, acara-acara tradisional dan penyampaian cenderahati kepada para paderi yang disampaikan oleh pengerusi KUBM, Sdra Matthew Anak Sandom.



Pesta KAGAPE meneguhkan persekutuan umat pelbagai kaum di Gereja OLL.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Bolehkah umat biasa beri berkat?

Saya sering melihat, seorang bapa membuat tanda salib pada dahi anaknya. Adakah ini dibolehkan? Sebetulnya siapa yang berhak memberikan berkat? Apakah hanya mereka yang ditahbis seperti paderi yang boleh memberkati orang lain?

Mengenai pemberkatan, kita dapat merujuk pada *Katekismus Gereja Katolik*, khususnya no. 1669 tentang sakramentali.

Pemberkatan adalah bentuk paling utama dari sakramentali ini. Kita tahu bahawa Gereja Katolik mengenal pembedaan antara liturgi utama dan liturgi lainnya.

Liturgi utama mencakupi sakramen-sakramen, yang biasanya dilayani oleh klerus (Uskup, paderi dan diakon), sedangkan sakramentali adalah doa mohon rahmat dan berkat di luar perayaan tujuh sakramen itu.

Banyak contoh sakramentali misalnya pemberkatan rumah, kedai, kenderaan, salib, air suci, dan benda-benda rohani lainnya. Pemberkatan pertunangan, ibu hamil dan anak-anak juga termasuk sakramentali.

Dengan sakramentali, karunia-karunia ilahi dianugerahkan kepada umat beriman atau benda tertentu berkat permohonan Gereja (KGK 1667).

Mengenai siapa yang boleh melakukan sakramentali, pelayanan ini adalah wewenang imam umum, bererti setiap orang yang dibaptis dipanggil untuk menjadi berkat dan untuk memberkati.

"Oleh itu, kaum awam dapat melayani pem-

berkatan-pemberkatan tertentu" *Katekismus* menjelaskan: "semakin pemberkatan itu menyangkut kehidupan Gereja dan sakramental, semakin pelaksanaannya dilaksanakan untuk jabatan tahbis (Uskup, imam dan diakon) (KGK 1669) dan semua yang menyangkut kehidupan Gereja misalnya pemberkatan para prodiakon, dewan paroki, lektor atau pemegang jabatan tertentu.

Pemberkatan yang mirip sakramental adalah seperti pemberkatan Gereja, pemberkatan tempat ziarah, piala atau benda-benda rohani yang akan dipakai untuk berdoa.

Biasanya ditambahkan dua jenis berkat iaitu berkat invokatif, dan berkat konstitutif (*William Saunders, "What Is a Blessing?" 2003*).

Berkat invokatif bersifat permohonan: Pelayan memohon agar Tuhan memberikan kebaikan tertentu, rohani atau jasmani, pada orang atau benda, tanpa mengubah kondisi apapun dari orang atau benda yang diberkati. Misalnya berkat atas makanan, dan berkat orang tua pada anak.

Sementara berkat konstitutif mengubah orang atau benda tertentu menjadi khusus misalnya piala, dewan Gereja, salib, atau benda-benda rohani, kerana setelah diberkati menjadi benda khusus dan dipakai hanya untuk tujuan rohani dan tidak boleh disalahgunakan.

Demikian pula bila seorang biarawati berkaul kekal diberkati: berkat itu menjadikan biarawati itu berbeza. Semakin konstitutif sebuah pemberkatan, ia memerlukan paderi untuk memberkatinya.

Jadi, jika seorang umat biasa memberkati anaknya dengan membuat tanda salib di dahi, menguatkan relasi secara rohani lebih-lebih lagi ia dilakukan dengan tulus.

Pemberkatan semacam itu tentu boleh dilakukan oleh umat awam kerana ia bukan eklesial atau sakramental, melainkan berkat invokatif.

Sama halnya dengan berkat seorang bapa atau ibu kepada anak-anaknya. Ingat, semasa pembaptisan, ibu bapa dan wali baptis diminta menandai dahi bayi dengan tanda salib.

Sebaik-baiknya, berkat ibu bapa ini sering diulang, misalnya semasa anak menyambut ulang tahun kelahiran, sakit atau semasa mereka hendak saat anak ulang tahun, sakit atau semasa mereka hendak merantau atau bekerja.

Tanda salib kecil di dahi memberi kekuatan rohani tersendiri bagi mereka.

Gerakan pelayan dalam memberi berkat juga berbeza. Bagi klerus, sesuai jabatan gerejaninya, mereka akan menghulurkan atau menumpangkan tangannya, kemudian memberi tanda salib besar di atas orang atau benda. Itulah tanda berkat resmi gerejani.

Bagi golongan awam, meskipun boleh menghulurkan sebagai tanda doa, kita tidak boleh membuat tanda salib besar sebagaimana yang dilakukan oleh paderi.

Akhirnya, kita bersyukur kerana berkat-berkat seperti ini dianugerahkan kepada semua umat beriman. -Fr Gregorius Hertanto, MSC, hidupkatolik.com

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Pernahkah adik-adik menyaksikan upacara pentahbisan paderi atau pelafazan kaul kekal religius?

Apa yang menyentuh hati antie ialah kebanyakan mereka dilahirkan dalam keluarga berada, malah ada yang pernah menjawat

pekerjaan tinggi dan bergaji besar. Tetapi mereka meninggalkan kemewahan dan kesenangan untuk melayani di ladang Tuhan.

Bagi masyarakat zaman sekarang, yang lebih mementingkan kebendaan, meninggalkan kesenangan dikatakan sikap yang bodoh atau sia-sia.

Tetapi, pembacaan Injil pada hari ini menyatakan bahawa mereka yang meninggalkan kemewahan akan menemui harta yang sangat berharga dan tidak akan habis.

Harta itu ialah Kristus sendiri, sumber kebahagiaan dan sukacita.

Adik-adik, pembacaan Injil pada hari Minggu ini menegaskan kepada


kita bahawa kerajaan Syurga begitu berharga dan begitu indah.

Marilah kita memohon bantuan Roh Kudus untuk karunia keberanian dan kebijaksanaan agar kita berani memilih mutiara rohani, bukan harta duniawi.

Salam Sayang
Auntie Melly

Tuliskan buah-buah roh yang baik ke dalam kotak di bawah. Adik-adik boleh mendapatkan jawapan dalam Galatia 5: 22-23

Betulan ejaan perkataan bergaris yang salah dengan merujuk kepada Injil Matius 13: 44- 52. Selamat mencuba.




Hal Kerajaan gaSyur itu seumpama katpu yang dilabuhkan di laut, lalu pulkanmengum pelbagai-bagai jenis kani. Setelah nuhpe, pukat itu pun diseret orang ke taipan, lalu duduklah mereka

dan mengumpulkan ikan yang ikba ke dalam supa dan ikan yang tidak baik mereka ngbuna.

- SUKACITA
- MARAH
- KASIH
- DAMAI
- ANGKUH
- IRI HATI
- KELEMBUTAN HATI
- PENGUASAAN DIRI

Cari SEPULUH perbezaan pada gambar di bawah.



Perumpamaan tentang harta terpendam dan perumpamaan tentang pukat (Mat 13: 44-52)
MARI MEWARNA

BELIA MILENIUM

MEMPERKASA IMAN BELIA ORANG ASLI

BIDOR: Program jangkauan khas ke komuniti Orang Asli yang diisi dengan sesi doa dan refleksi telah diadakan di Gereja Ibunda Maria di Kg Chang, yang terletak kira-kira lima KM dari pekan Bidor pada Jun 29 lalu.

Program jangkauan ini dianjurkan oleh sekumpulan Katolik dari Kuala Lumpur, yang sentiasa melakukan kerja-kerja misionari di Gereja St Joseph, Bidor.

Seramai 60 penganut Katolik Orang Asli yang sebahagiannya adalah kaum muda, termasuk 35 kanak-kanak berusia antara tujuh hingga 17 tahun, mengalu-alukan kedatangan rombongan pelawat.

Kemudian, mereka memulakan program itu dengan sesi doa diikuti dengan dua lagu pujian dalam Bahasa Malaysia, dan refleksi yang dipetik dari Injil Yohanes 8: 12 dan

Matius 5: 14-16.

Sepanjang sesi ini, kaum muda Orang Asli khususnya sangat bersemangat memuliakan Tuhan dan mendengar Firman serta refleksi yang disampaikan dengan tekun.

Semangat solidariti dan persahabatan dieratkan lagi semasa majlis makan tengah hari bersama. Tanpa kekok, belia Orang Asli beramah mesra dengan rombongan yang datang, sambil bertukar-tukar pengalaman kehidupan mereka sebagai Katolik Orang Asli.

Keceriaan berlanjutan lebih-lebih lagi dalam sesi permainan yang menawarkan pelbagai hadiah menarik.

Seramai 35 pelajar Orang Asli juga begitu gembira dan bersyukur kerana menerima bantuan alat sekolah, makanan ringan dan rosari.

Sebelum beredar, kumpulan dari Kuala Lumpur itu turut melawat lima rumah bukan Katolik yang sudah usang serta menghulurkan beberapa keperluan asas untuk mereka.



Program jangkauan ke komuniti Orang Asli diharapkan dapat membantu komuniti itu khususnya para belia agar menjadi pemimpin Gereja suatu hari nanti.

Kemudian rombongan tersebut menuju ke Gereja St Mary, Tapah untuk sesi doa bersama Fr James Pitchay.

Fr James, Administrator untuk Bidor dan Kg Chang, menggalakkan umat Katolik untuk selalu membantu golongan miskin, terutama mereka yang ter-

pinggir dan terabai.

Paderi itu bersyukur dan berterima kasih kepada rombongan dari Kuala Lumpur yang selalu menghulurkan bantuan khususnya kepada masyarakat Orang Asli dan mereka yang memerlukan.

Belia mengenal, menghayati dan menghidupi panggilan

IPOH: Seramai 87 belia berusia 13 hingga 25 tahun menyahut seruan untuk "COME, DISCOVER, LIVE" dan berkumpul di Gereja St Michael, Ipoh pada Julai 8-9 lalu.

Program ini iaitu Kem Panggilan, dianjurkan oleh Tim Panggilan Keuskupan Pulau Pinang yang diketuai oleh Fr Louis Loi, Direktor Panggilan Keuskupan.

Tim Panggilan Keuskupan ini dianggotai oleh empat orang paderi, sembilan orang religius, seorang peninjau dan lapan orang awam.

Mereka berusaha mempromosi panggilan menjadi paderi dan religius di kalangan kaum muda melalui pelbagai aktiviti termasuk ceramah, perkongsian,

refleksi, doa dan Misa Kudus.

Pada hari pertama program, acara menumpukan persiapan dan membantu para peserta untuk mengalami pertemuan dengan Yesus.

Kemudian disampaikan beberapa siri katekesis yang menekankan cinta Tuhan yang luar biasa terhadap semua umat manusia dan betapa pentingnya untuk bertobat atau kembali kepada Tuhan. Para paderi juga mengingatkan semua belia bahawa iman mereka akan mengtransformasi kehidupan dan peribadi mereka setelah mengalami sentuhan Tuhan.

Selain itu, para peserta juga dibawa un-



Beberapa orang religius menghiburkan para peserta Kem Panggilan dengan tarian aksi.

tuk hening di hadapan Sakramen Maha Kudus yang disusuli dengan perkongsian.

Pada hari kedua, sesi ditumpukan kepada 'apa itu panggilan', 'jenis-jenis panggilan' dan 'bagaimana menjawab panggilan?'

Selepas Misa Kudus, para belia mendengar perkongsian daripada Fr Louis Lo yang menerangkan apa itu panggilan, empat jenis panggilan iaitu imam, religius, berkahwin dan hidup tunggal.

Pada akhir program, para peserta diingatkan bahawa sebagai umat yang dibaptis, mereka berperanan penting untuk mewartakan kerajaan Tuhan serta didorong untuk tekun berdoa dan membuka hati mereka mendengar atau menjawab panggilan Tuhan. — PDVT



Sri Paus Fransiskus ajak kanak-kanak sentiasa berdoa

ROMA: “Mesej apakah yang boleh kita bawa kepada wira kita iaitu ibu bapa kita?” Soalan ini diutarakan oleh seorang kanak-kanak kepada Sri Paus Fransiskus semasa Kem Musim Panas pada Julai 18 lalu.

Seramai 250 anak para pegawai Vatikan gembira bertemu dengan Sri Paus Fransiskus yang menganggap dirinya sebagai ‘datuk’ kepada kanak-kanak tersebut.

Bapa Suci gembira berbicara dengan para peserta kanak-kanak berusia lima hingga 13 tahun, dan menjawab pertanyaan-pertanyaan mereka.

Salah seorang peserta, Eduardo bertanya kepada Bapa Suci bagaimana dapat menunjukkan kasih sayang kepada ibu bapa.

Fransiskus menjawab selalunya menunjukkan rasa terima kasih ke-

pada mereka kerana membesarkan anda.

Rakan Eduardo, Elena pula bertanya kepada Sri Paus siapa wira dalam hidupnya?

Sri Paus menjawab, wiranya adalah datuk dan neneknya kerana mereka memiliki begitu banyak kebijaksanaan “dan itulah mengapa penting” untuk berbicara dengan mereka.

Raffaele pula bertanya kepada Bapa Suci bagaimana mereka dapat menjadi wira “di dunia digital”.

Bapa Suci mengatakan bahawa mereka harus fokus pada “penggunaan” teknologi sebagai alat dan melayani manusia, bukannya manusia yang melayani atau menjadi hamba kepada sarana digital.

Sri Paus juga turut menerima hadiah daripada kanak-kanak itu

iaitu potret dirinya dengan puluhan tanda tangan kanak-kanak, dua gelang plastik, dan medali kertas besar yang diikat dengan riben biru.

Medali itu bertulis “wira” dalam bahasa Itali, gambar Basilika Santo Petrus, dan Sri Paus Fransiskus yang tersenyum sambil berkata, “damai.”

Dua orang fasilitator kem, Giuditta dan Giacomo memberitahu Bapa Suci Fransiskus akan pengalaman indah mereka semasa mengawasi kanak-kanak dalam kem musim panas itu.

Mereka menyifatkan kem itu sebagai “pengalaman berharga untuk semua fasilitator serta berkembang bersama kanak-kanak yang banyak memberi senyuman telus dan jujur.”

Mereka menyatakan bagaimana mereka mendapat inspirasi daripada



Sri Paus Fransiskus bertemu dengan kanak-kanak di Dewan Paulus VI, di Vatikan pada Julai 18, 2023. Gambar: Ucanews.com

ensiklik *Fratelli tutti* yang menjadi kompas yang membantu kanak-kanak memahami serta mewujudkan persaudaraan di kalangan semua orang, agar martabat semua orang dihormati dan menemui keindahan hubungan persaudaraan.”

Setelah berdoa Bapa Kami bersama para kanak-kanak, prelatus itu menyampaikan berkat apostoliknya dan meminta mereka membawa rahmat kepada ibu bapa, datuk, nenek dan rakan-rakan mereka. — *media Vatikan*

Karyawan Korea tampilkan 'Laudato Si' dalam seni



Seniman Lim Sung Yeon menjelaskan karyanya 'The rhythm of being' semasa pameran seni berdasarkan ensiklik Sri Paus Fransiskus, Laudato Si' di sebuah galeri di Katedral Myeongdong di Seoul. Gambar: ucanews.com

SEOUL: Sebuah pameran yang dibiayai oleh Gereja di ibu negara Korea Selatan, Seoul memaparkan karya artis muda berdasarkan tema Sri Paus Fransiskus iaitu ensiklik *Laudato Si'*.

Pameran ini mempamerkan karya-karya 11 artis muda Korea, yang dianjurkan oleh Keuskupan Agung Seoul pada Julai 12-20 di galeri di Katedral Myeongdong.

Para artis muda ini berusaha mengungkapkan semangat ensiklik Bapa Suci Fransiskus dengan cara mereka sendiri.

Dengan tema, “Percakapan tentang Rumah Bersama Kita” menampilkan pelbagai karya seperti lukisan, ilustrasi, kaca patri (*stained glass*) dan kaligrafi.

Semua 11 artis ini pernah memenangi “Sacred Art Young Artist Contest”, yang dimulai pada tahun 2021.

Mereka terinspirasi untuk berkarya setelah membaca dan merenungkan *Laudato Si'*, yang menyeru agar bumi ini iaitu “rumah kita bersama” dilindungi serta hidup berharmoni dengan semua makhluk.

Tema itu diambil dari ungkapan di perenggan ketiga ensiklik itu di mana Sri Paus menulis: “Saya

menulis ensiklik ini untuk berdialog dengan semua orang tentang rumah kita bersama.”

Uskup Benediktus Son Hee-song, vikaris jeneral Keuskupan Agung Seoul, berterima kasih kepada para seniman “kerana berbhagi hal-hal baik” melalui karya-karya seni mereka.

“Fakta bahawa anda merenungkan ensiklik Sri Paus Fransiskus dan membuatnya menjadi karya seni mirip dengan homili paderi dalam Misa,” lanjutnya.

“Ini untuk merenungkan ‘keindahan’ yang diciptakan oleh Tuhan dan menyampaikan pesan melalui ‘karya seni’.”

Uskup Son mengatakan bahawa “merawat alam ciptaan dengan baik berarti mengungkapkan keindahan Tuhan dalam alam.”

“Ketika berfikir tentang alan sekitar, saya berharap anda membuat karya seni dengan misi bahawa karya anda adalah untuk mengungkapkan keindahan yang telah Tuhan ciptakan,” tambahnya.

Pameran ini juga memiliki program bersama pengunjung.

Melalui program “Rumah Kita Bersama”, pelawat boleh menghidai haelian aktiviti dengan setem haiwan terancam. — *ucanews.com*

Takhta Suci desak PBB akhiri perang di Ukraine

NEW YORK: Uskup Agung Gabriele Caccia, Pemerhati Tetap Takhta Suci, berucap semasa Mesyuarat Pleno ke-88 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), agar segera menghentikan peperangan di Ukraine.

Prelatus itu mengulangi seruan Sri Paus Fransiskus agar negara-negara tidak pernah menyerah pada

perang tetapi berkomitmen untuk mencari perdamaian.

Uskup Agung Caccia menegaskan keprihatinan Takhta Suci tentang konflik “pertumpahan darah”, mengulangi permohonannya untuk gencatan senjata serta menyatakan seruan Sri Paus Fransiskus kepada “semua protagonis kehidupan internasional dan pemimpin politik

negara untuk melakukan segala yang mungkin untuk mengakhiri perang.”

Katanya, konflik di Ukraine, “seperti semua perang”, adalah tragedi “untuk masyarakat dan keluarga, untuk kanak-kanak dan ibu bapa, menyebabkan ramai orang terpaksa meninggalkan negara mereka lebih-lebih lagi setelah kehancuran empangan Nova Kakhovka.”

Takhta Suci menyatakan terima kasih kepada semua negara yang telah menampung para pelarian dari Ukraine dan Uskup Agung Caccia menekankan pentingnya memberi bantuan kemanusiaan sehinggalah para pelarian ini dapat kembali ke tanah air mereka dengan aman, sukarela dan bermartabat.”

Pemerhati Tetap Vatikan untuk PBB itu mengakhiri ucapannya dengan gesaan Takhta Suci bagi permulaan “rundingan ke arah keamanan yang adil dan berkekalan.” — *media Vatikan*



Sukarelawan membersihkan runtuhan di sebuah rumah kediaman yang musnah di Ukraine. Gambar: Media Vatikan.

UNICEF hantar tambahan dos vaksin ke Ukraine

ROMA: UNICEF telah menghantar tambahan 657,000 dos vaksin gabungan campak, beguk dan rubella (MMR) ke Ukraine sebagai sebahagian daripada Program Vaksinasi Kebangsaan Ukraine.

Muhammad Tariq Iqbal, Pakar Imunisasi UNICEF menekankan “tidak ada ubat khusus” untuk menangani jangkitan campak.

Katanya, vaksinasi penting untuk memberi perlindungan berkesan terutamanya untuk kanak-kanak.

Semasa konflik, Ukraine mencatatkan peningkatan kes campak. Timbalan Menteri Ukraine, Ketua Pakar Perubatan Kesihatan Negara, Ihor Kuzin, menyatakan “Sepanjang musim panas, berkat



Bantuan vaksin tiba di Ukraine.

usaha bersama rakan kongsi di rantau ini, kanak-kanak yang terlepas satu atau dua vaksinasi akan menerima vaksin,” seraya menegaskan, risiko penyakit kepada sebahagian besar penduduk Ukraine tanpa menerima vaksin boleh memberi kesan buruk kepada sebahagian besar penduduk

tanpa vaksinasi.

WHO juga telah menghantar bas ke Kementerian Kesihatan, untuk digunakan “oleh pasukan perubatan yang bergerak hingga ke kawasan luar bandar terpencil untuk memberikan vaksinasi campak, COVID-19, tetanus dan difteria.” — *edia Vatikan*

BERDOA MALAIKAT TUHAN BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Taburlah benih iman, meski tidak langsung berbuah

VATIKAN: Sekalipun buahnya tidak langsung terlihat, umat Kristian dipanggil untuk terus menabur benih iman di dunia dan orang-orang di sekitarnya dalam kehidupan sehari-hari, kata Sri Paus Fransiskus.

Sebelum Doa *Angelus* bersama 15,000 penziarah di Dataran Santo Petrus pada Julai 16, Bapa Suci menyampaikan renungan berdasarkan Injil Matius, di mana Yesus menyatakan perumpamaan tentang penabur kepada pengikut-Nya.

Dalam perumpamaan Yesus, benih yang jatuh di tanah yang subur menghasilkan buah, sedangkan benih yang jatuh di tanah yang keras, berbatu dan di antara semak duri — tidak berbuah.

“Jika Sabda adalah benih, kita adalah ladangnya. Firman Tuhan, adalah seperti benih: kecil, hampir tidak terlihat, tetapi menumbuhkan tanaman yang berbuah dan Yesus adalah “penabur yang baik” yang “tidak pernah lelah menabur (benih) dengan kemurahan hati” dan memanggil orang Kristian untuk melakukan hal yang sama.

Sebagai contoh, kata Sri Paus, orang tua dipanggil untuk menabur benih kebaikan dan iman kepada anak-anak mereka dan tidak berkecil hati jika anak-anak mereka tidak memahami atau menghargai ajaran mereka.

“Benih yang baik tetap ada, ini yang penting, dan akan berakar pada waktunya,” katanya. “Tetapi jika, menyerah pada keraguan, (ibu bapa) berhenti menabur (benih)



Gambar ilustrasi: Seorang biarawati misionari 'menabur benih iman' di tanah Papua, Indonesia.

dan meninggalkan anak-anak mereka hanya dengan telefon pintar di tangan, tidak meluangkan waktu, tidak mendidik mereka, maka tanah subur akan dipenuhi rumput liar.

“Kaum muda, jelas Sri Paus, dipanggil tidak hanya untuk menerima benih iman tetapi juga untuk “menabur Injil dalam alur kehidupan sehari-hari.”

“Orang muda dapat bermula dengan menabur Injil melalui doa: “benih kecil yang tidak terlihat, tetapi dengan percaya akan pemeliharaan Tuhan, semua yang anda tabur, akan dapat berkembang dan bertumbuh.”

Bapa Suci Fransiskus juga menyarankan

kaum muda menghabiskan waktu bersama orang-orang yang memerlukan.

“Mungkin, menemani mereka yang terabai dan miskin kelihatan seperti membuang masa. Tetapi sebenarnya ini adalah waktu yang suci,” ujar Sri Paus.

Sri Paus Fransiskus juga mendorong kaum muda untuk mengabdikan diri mereka untuk belajar, seperti menabur benih, “walau ia memenatkan dan bagi orang lain, ia tidak bermanfaat tetapi teruskan menabur kerana ia penting untuk membangun masa depan yang lebih baik bagi semua.”

— *media Vatikan*

PERKONGSIAN IMAN/SHARING

Pelangi sehabis hujan

Pada Hari Minggu Suci Palma tahun lalu, ketika bapa saya sedang menghadapi ajal di hospital, sejujurnya saya amat ketakutan sehingga tidak tahu doa apa yang harus saya daraskan.

Dengan pelbagai perkara yang saya fikirkan, tiba-tiba imej Bunda Maria terlintas dalam fikiran saya. Sepenuh jiwa raga saya memanjatkan doa Salam Maria berulang-ulang.

Pada mulanya saya tidak mempunyai konsentrasi, tersasul malah lupa sehingga saya “mengGoogle” doa tersebut.

Saya mengatur nafas dan membacakan doa dengan teratur; perasaan tenang mulai kembali dan saya merasakan kuasa Roh Kudus bekerja pada masa itu.


Pada waktu itulah, bapa saya yang se-

dang menggenggam rosari juga mulai mengatur nafas-nafas terakhirnya dengan mengikut rentak doa *Salam Maria* yang saya ucapkan.

Benarlah kata Rasul Paulus yang mengatakan, “Demikian juga Roh membantu kita dalam kelemahan kita; sebab kita tidak tahu, bagaimana sebenarnya harus berdoa; tetapi Roh sendiri berdoa untuk kita kepada Tuhan...” (Roma 8:26).

Alangkah pilunya Paskah pada tahun ini, bapa tidak bersama kami. Namun, kami sekeluarga tetap bersyukur atas cinta kasih ramai orang menerusi doa, bantuan serta penghargaan atas kemurahan hati mendiang bapa saya.

Campur tangan dan mukjizat Tuhan Yesus dalam pengendalian alam sepan-



Roh Kudus sentiasa membantu kita — Agnes Joseph

jang perkabungan adalah suatu keajaiban bagi kami sekeluarga. Puji Tuhan! Saya sifatkan segala kemanisan yang saya alami ini seperti pelangi sehabis hujan. — *Agnes Joseph, Katedral St Francis Xavier, Keningau*

Mengapa penyihir benci Medali Sto Benediktus?

Sumber asal usul penguasaan medali Sto Benediktus kurang diketahui tetapi dipercayai ia bermula dari biara Benediktin pada abad ke-17.

Mengikut Dom Prosper Guéranger dalam bukunya *Medali dan Salib Sto Benediktus*, biara Benediktin mematahkan banyak sihir di kawasan itu.

Sejak itu, lebih-lebih lagi pada abad ke-19, medali dan salib Sto Benediktus dipakai oleh umat Katolik kerana percaya ia boleh mengusir kuasa jahat.

Sebenarnya medali itu tidak mempunyai kuasa untuk men-



Medali Sto Benediktus

gusir roh jahat sebaliknya dengan memakai medali Sto Benediktus, ia memperlihatkan iman dan devosi kepada Yesus Kristus, dan meneladati iman Sto Benediktus yang amat mencintai Tuhan.

Namun, medali itu merupakan doa untuk mematahkan kuasa syaitan.

Pada permukaan medali itu juga, terukir doa untuk memohon berkat serta perlindungan daripada Tuhan untuk si

pemakai melalui doa perantaraan Sto Benediktus. Memakai medali ini juga mengingatkan kita akan rahmat pembaptisan kita. Pada lingkaran medali itu tertulis:

V. R. S. (*Vade Retro Satan*): “Nyahlah kau blis!”

N. S. M. V. (*Not Suade Mihi Vana*): “Jangan menggoda aku dengan janji palsu mu!”

S. M. Q. L. (*Sunt Mala Quae Libas*): “Tawaranmu itu iblis belaka.”

I. V. B. (*Ipsa Venena Bibas*): “Minum racun dirimu sendiri!” — *Aletia*

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Iman dalam era pasca moden

Orang Kristian sentiasa diseru untuk memberitakan Injil “kepada semua makhluk” (Markus 16.15) — yang bermaksud, kepada semua budaya, pada setiap masa, dan kepada semua manusia walau apa pun kepercayaan atau kecenderungan mereka.

Setiap zaman ada kesukaran dan keunikannya. Zaman kita sekarang adalah “zaman pasca moden”. Apa ciri-ciri zaman pasca moden ini?

Bermula abad ke-19, arus kemodenan semakin menular di mana ia mengubah pandangan, kesusasteraan, falsafah, seni dan seni bina, memodenkan budaya dan sosial. Dan kita tahu, kemodenan mempunyai kelemahannya antaranya kemunculan pejuang hak wanita, homoseksual, kemunculan golongan moden di negara-negara yang pernah dijajah misalnya Asia dan Afrika.

Dan kita tahu, pasca kemodenan selalu menentang ajaran gereja sejagat tentang iman.

Lalu bagaimana kita dapat berbicara atau menerangkan iman kepada sesama pada hari ini?

Mungkin kita boleh bermula dengan prinsip ini: Ujilah segala sesuatu dengan kebijaksanaan. (rujuk 1 Tes 5.21-22)

Secara tradisi, penganut Roman Katolik sentiasa menghargai KETAATAN. Walau bagaimanapun, hari ini, kebijaksanaan adalah lebih penting daripada ketaatan, kerana Roh Kudus sedang menggerakkan Gereja ke ‘kawasan-kawasan’ yang kurang menyenangkan misalnya ekumenisme dan dialog antara agama.

Satu lagi yang perlu kita ada — mengambil risiko. Misalnya “Perkahwinan campur” yang dilihat sebagai ancaman kepada kepercayaan seseorang dan suatu ketika dahulu, sebelum Konsili Vatikan II (KV II), ramai Katolik yang menolak perkahwinan campur.

Tetapi sejak KV II, Gereja telah memberi definisi semula dan pencerahan mendalam tentang umat beriman iaitu sebagai penziarah yang berjalan bersama ke arah matlamat yang sama. Dan inilah imej “sinodaliti”. Apabila seseorang berjalan bersama rakan dan orang asing, sesuatu yang tidak diduga dan indah berlaku iaitu iman menjadi pengalaman, bukan definisi. Dan inilah yang amat diperlukan oleh golongan muda, pengalaman yang membuat mereka berseru, “Kami telah melihat Tuhan!” (Yohanes 20:25).

Akhir sekali, untuk menggalakkan kehidupan beriman pada zaman pasca moden ini, kita perlu memulihkan rasa HENING.

Pascamodenisme lahir dalam kebisingan elektronik — visual, audio dan teks — yang membanjiri kita dengan kelantangan, kelajuan dan daya tarikannya. Untuk menyuburkan kehidupan iman, penting untuk kita meluangkan masa hening setiap hari. Berdiam — satu lagi cabaran untuk kita!

Sri Paus Fransiskus pernah berkata: “Saudara saudari yang dikasihi! Tuhan memanggil setiap kita dengan nama kita sendiri. Anda berharga di mata-Nya, anda memang layak dihormati dan disayangi. Terimalah dengan sukacita hadiah Tuhan pada anda.”

● *Fr Myron J. Pereira SJ, melayani di Mumbai, seorang pendidik, jurnalis, editor dan penulis fiksiyen selama hampir lima abad.*

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Pertemuan tahunan Komisi Kateketikal Malaysia di Miri

MIRI: Mesyuarat tahunan Komisi Kateketikal Malaysia (MCC) telah diadakan di Miri, Sarawak pada Julai 3-7 lalu.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Uskup Agung Julian Leow, Uskup Metropolitan Kuala Lumpur.

Turut hadir ialah para perwakilan yang terdiri dari paderi, religius dan umat awam dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching serta dari Keuskupan Keningau, Malacca Johore, Miri, Pulau Pinang, Sandakan dan Sibu bersama para pemerhati dari National Catechetical Office, Keuskupan Agung Singapura dan Vikariat Brunei.

MCC yang ditubuhkan sebagai badan konsultatif kepada Konferensi Uskup-uskup Katolik Malaysia, merupakan sebuah perhimpunan pastoral yang dianggotai seorang klerus dan seorang perwakilan dari sembilan keuskupan/agung di Malaysia.

Mesyuarat ini dimulakan den-



Para ahli MCC dan pemerhati berhimpun di Miri untuk mesyuarat tahunan mereka.

gan ucapan alu-aluan Uskup Agung Julian yang mengajukan beberapa persoalan berkenaan kaitan katekesis kepada kaum muda, bagaimana memainkan peranan katekis pada masa sekarang sebagai teladan belia.

Jawaban daripada anggota MCC kelihatan berbeza yang menunjukkan cabaran yang dihadapi di setiap Keuskupan tidak sama tetapi ia membantu mereka

untuk mencari penyelesaian dan pendekatan bersama.

Salah satu agenda perbincangan dalam mesyuarat ini ialah perancangan MCC bagi empat tahun akan datang, persediaan untuk Hari Minggu Kateketikal, buku Siri Kateketikal Malaysia, latihan katekis dan mendengar laporan dari setiap keuskupan.

“Layanilah seorang akan yang lain, sesuai dengan karunia yang telah diperoleh tiap-tiap orang

sebagai pengurus yang baik dari kasih karunia Tuhan (1 Petrus 4:10) telah dipilih sebagai tema Hari Minggu Kateketikal 2024.

Isu isi kandungan Siri kateketikal Malaysia (SKM) yang diterbitkan pada tahun 2004 hingga 2010 sebagai buku teks Tahun Satu hingga Tingkatan Empat, turut mendapat perhatian.

Laporan kaji selidik yang diketuai oleh Diakon Sherman Kuek mendapati responden mahukan

SKM dikemas kini.

Uskup Agung Julian, mewakili Konferensi Uskup-uskup Katolik Malaysia menjelaskan bahawa isi kandungan katekesis tidak berubah tetapi kaedah dan aktiviti yang digunakan harus sesuai dengan konteks sesi kateketikal.

Para anggota MCC juga bersetuju bahawa latihan atau pembentukan untuk katekis adalah semakin mendesak dan setiap keuskupan sedang berusaha menganjurkan formasi yang bersesuaian.

Selain perbincangan mengenai perkara-perkara kateketikal, mesyuarat ini juga merupakan platform untuk peserta bertemu, berkongsi dan mengalami kepelbagaian budaya di Malaysia.

Melalui aktiviti luar iaitu makan malam dan majlis persahabatan di Gereja St Dominic persahabatan di St Dominic dan Rosari, para perwakilan MCC dapat mengeratkan semangat persaudaraan sambil beramah mesra dengan umat di paroki tersebut.

Para uskup sertai bengkel penguasaan komunikasi dan pembentangan

PLENTONG: Konferensi para Uskup Katolik Malaysia-Singapura-Brunei (CBCMSB) telah mengadakan bengkel latihan intensif media selama sehari bertajuk, Kemahiran Komunikasi & Penyampaian (Tahap Asas Latihan Jurucakap) di Pusat MAJODI pada Julai 10 lalu.

Latihan ini juga dihadiri oleh para paderi, peguam, dan kakitangan awam media sosial keuskupan.

Kursus ini bertujuan untuk melatih para peserta bagaimana untuk mewartakan Gereja ke dunia yang lebih luas dengan menekankan ada kemahiran, strategi, dan teknik media serta membina rasa yakin dan mengetahui tetapan penyampaian yang berkesan.

Latihan ini dikendalikan oleh Sdra Augustine Anthuvan, Konsultan Media, Penasihat Komunikasi dan Jurulatih dari Singapura yang mempunyai pengalaman lebih 30 tahun sebagai wartawan, eksekutif produser dan konsultan bagi komunikasi krisis/hal ehwal media.

Bengkel bermula dengan *Storytelling* dalam masa 60 saat di mana para peserta memperkenalkan diri dan organisasi mereka dalam satu minit.

Ini adalah perlu untuk komunikasi yang efektif dan memenuhi jangkaan orang ramai.



Para Uskup dan kakitangan awam media keuskupan menghadiri bengkel sehari Kemahiran Komunikasi dan Penyampaian pada Julai 10 lalu.

Selepas itu, dalam sesi kedua, “Bercakap dan Berhubung” dengan penonton melalui penggunaan petikan dan nada yang sesuai agar mesej yang disampaikan tepat serta difahami audiensi.

Para uskup juga secara individu mengambil bahagian dalam wawancara secara langsung di mana Augustine bertanya soalan sukar. Tujuannya adalah belajar berfikir dengan cepat dan menyampaikan mesej yang jelas apabila menghadapi soalan yang tidak dijangka.

Sesi terakhir, “Sidang Akhbar Media – Komunikasi Krisis”, para peserta belajar untuk mempersiapkan sidang media, menjangka soalan daripada ‘wartawan’, mengolah bahan sedia ada dan mengetahui bahawa semasa krisis atau peristiwa yang tidak dijangka,

media boleh bertindak sebagai sarana yang menyampaikan pesan dengan cepat dan tepat.

Para peserta memainkan peranan sebagai wartawan yang bertanya soalan-soalan sukar di mana soalan-soalan tersebut telah dijawab dengan baik.

Jurucakap keuskupan diingatkan bahawa dalam apa jua situasi, mereka harus bersedia untuk menjawab soalan “Apa pandangan/kedudukan Gereja?”

Sebagai pengamal media, Augustine mengongsikan bagaimana media bertindak, apa yang media mahu dan bila media berpuas hati.

Para uskup dan peserta bersetuju bahawa bengkel itu mendorong mereka untuk lebih bersedia dan kini lebih yakin apabila menghadapi sebarang acara berkaitan media.

Latihan bertaraf antarabangsa pendoa syafaat Ogos ini di Sabah

KOTA KINABALU: Penganut Katolik di negara-negara Asia termasuk umat Katolik di Sabah, kini berpeluang untuk menyertai latihan bertaraf antarabangsa sebagai pendoa syafaat pada bulan Ogos kelak.

Latihan itu yang akan dikendalikan oleh dua penceramah antarabangsa terkenal dari India, Chevalier Cyril John dan Uskup Agung Francis Kalist.

Keperluan untuk pendoa syafaat bukan sahaja untuk negara kita tetapi di seluruh dunia.

Melihat keperluan pendoa syafaat yang semakin meningkat ini, Pejabat Antarabangsa CHARIS di Roma melalui Komisi Syafaat, memutuskan untuk menganjurkan Latihan Pendoa Syafaat untuk Asia pada Ogos 14-19 2023, dan telah memilih Malaysia, khususnya Kota Kinabalu (KK), sebagai lokasi utama program yang sangat penting ini.

Anthony Lim, Koordinator CHARIS Malaysia berkata “Latihan ini akan memberikan bimbingan dan input yang sangat kukuh mengenai pemahaman syafaat, terutamanya dalam memahami perbezaan antara syafaat biasa dan syafaat kenabian.”

Latihan ini terbuka kepada semua dan tidak eksklusif untuk orang-orang tertentu sahaja.



Latihan antarabangsa pendoa syafaat ini akan diadakan di Katedral Sacred Heart Karamuning dalam Bahasa Inggeris namun mempunyai terjemahan secara langsung dalam Bahasa Malaysia untuk semua sesi.

Priscilla Henry, Koordinator Kumpulan Pendoa Syafaat Malaysia, “Latihan yang bakal diberikan itu bukan mengenai doa syafaat biasa tetapi melibatkan pelbagai pengetahuan dan maklumat luas tentang syafaat kenabian. Inilah pentingnya latihan ini agar kita tahu cara betul dan berkesan syafaat kenabian,” jelas Priscilla.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Rozy Regina 019-871 9958, Elna Beth 013-8917513 atau Mary Low 019-286 6355.